KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## RABU, 27 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **BELANJAWAN 2024: KPWKM FOKUS TINGKAT LATIHAN EKONOMI PENJAGAAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281064/berita/nasional/belanjawan-2024-kpwkm-fokus-tingkat-latihan-ekonomi-penjagaan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/budget-2024-kpwkm-to-focus-on-improving-training-in-care-economy-BB11542425 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.sinardaily.my/article/209059/malaysia/national/budget-2024-ministry-to-focus-on-improving-training-in-care-economy | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2229083 | BERNAMA.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KANAK-KANAK PERLU TAHU HAK MEREKA: NANCY** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/220579/kanak-kanak-perlu-tahu-hak-mereka-nancy/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **JANGAN NORMALISASIKAN PERLAKUAN ADA UNSUR GANGGUAN SEKSUAL - NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1157252/jangan-normalisasikan-perlakuan-ada-unsur-gangguan-seksual-nancy | BHARIAN.COM.MY |
| | https://themerdekatimes.com/news/2023/09/jangan-normalisasi-perlakuan-berunsur-gangguan-seksual-nancy-shukri/ | THEMERDEKATIMES.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=SfVWhMAn1BI | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=5n2DSrBzrHI | YOUTUBE |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **LPPKN BANTU IBU BAPA BENTUK REMAJA BERTANGGUNGJAWAB** | |
| | https://malaysiaaktif.my/2023/09/lppkn-bantu-ibu-bapa-bentuk-remaja-bertanggungjawab/ | MALAYSIAAKTIF.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **MASIH RAMAI WANITA MALAYSIA TAK RANCANG KELUARGA** | |
| | https://pre-www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1157491/masih-ramai-wanita-malaysia-tak-rancang-keluarga | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **GALAKAN GUNA KAEDAH KONTRASEPTIF BAGI RANCANG KEHAMILAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013674/galakan-guna-kaedah-kontraseptif-bagi-rancang-kehamilan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **LPPKN TAWAR 1,000 KUOTA PEMBERIAN KAEDAH KONTRASEPTIF PERCUMA BUAT WANITA B40** | |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/lppkn-tawar-1000-kuota-pemberian-kaedah-kontraseptif-percuma-buat-wanita-b40-OB11541359 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2229081 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/lppkn-provides-1000-free-contraceptive-quotas-for-b40-women-PB11542296 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lppkn-provides-1000-free-contraceptive-quotas-b40-women-439135 | ASTROAWANI.COM |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **PRIVASI, TAAT SUAMI PUNCA KES KEGANASAN RUMAH TANGGA TIDAK DILAPOR** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/280997/edisi/selangor-kl/privasi-taat-suami-punca-kes-keganasan-rumah-tangga-tidak-dilapor | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **AKRM BANTU IBU TUNGGAL BUKA RUANG NIAGA** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/09/1157318/akrm-bantu-ibu-tunggal-buka-ruang-niaga | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **CHILD ABUSE CASES: SABAH AMONG THE TOP THREE STATES** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/220556/child-abuse-cases-sabah-among-the-top-three-states/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **PRIORITISE SAFETY AND EVACUATE, RESIDENTS IN FLOOD PRONE AREAS REMINDED** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/09/959896/prioritise-safety-and-evacuate-residents-flood-prone-areas-reminded | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **JKM PERLU SEGERA SEMAK SEMULA KRITERIA MOHON BANTUAN: CHANG** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/26/jkm-perlu-segera-semak-semula-kriteria-mohon-bantuan-chang | UTUSANBORNEO.COM.MY |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **BARANGAN KEPERLUAN ASAS MANGSA BANJIR DI EMPAT NEGERI MENCUKUPI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013741/barangan-keperluan-asas-mangsa-banjir-di-empat-negeri-mencukupi | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **BANJIR: PPS DIBUKA DI PERLIS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013759/banjir-pps-dibuka-di-perlis | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/26/18-mangsa-banjir-di-perlis-dipindahkan-ke-pps/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **DUGAAN BESAR SURI RUMAH JAGA 8 ANAK SENDIRIAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/26/dugaan-besar-suri-rumah-jaga-8-anak-sendirian/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **SEKUMPULAN LELAKI SELAMATKAN WANITA TERJUN JAMBATAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/09/sekumpulan-lelaki-selamatkan-wanita-terjun-jambatan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1157365/tertekan-masalah-kewangan-wanita-terjun-sungai-kelantan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281059/edisi/kelantan/pemandu-bot-selamatkan-wanita-jatuh-dari-jambatan | SINARHARIAN.COM.MY |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **SIMBAH AIR PANAS TERHADAP ANAK HABISKAN DATA TELEFON, WANITA DIDAKWA** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/26/simbah-air-panas-terhadap-anak-habiskan-data-telefon-wanita-didakwa/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **WANITA 'SUAP' KERETA MEWAH UNTUK PROJEK KEMENTERIAN RM87 JUTA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281102/berita/semasa/wanita-suap-kereta-mewah-untuk-projek-kementerian-rm87-juta | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **TRIO PECUT LELAKI, WANITA MENANG GANGSA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/09/1013696/trio-pecut-lelaki-wanita-menang-gangsa | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/09/pasukan-skuasy-lelaki-wanita-lepasi-halangan-awal/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-sukan/sukan-asia-hangzhou-skuad-berbasikal-raih-gangsa-berganda-lelakiwanita-439137 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **WANITA PERLU TINGKAT PERANAN BANTU KELUARGA HADAPI KRISIS** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/09/1157292/wanita-perlu-tingkat-peranan-bantu-keluarga-hadapi-krisis | BHARIAN.COM.MY |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **OPERASI SAR KESAN WANITA WARGA EMAS HILANG** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281004/berita/semasa/operasi-sar-kesan-wanita-warga-emas-hilang | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/26/warga-emas-di-maran-hilang-sejak-ahad/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **BUNUH TEMAN WANITA: BAPA LIMA ANAK DIPENJARA MAKSIMUM 40 TAHUN, HUKUMAN GANTUNG DIKETEPIKAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/bunuh-teman-wanita-bapa-lima-anak-dipenjara-maksimum-40-tahun-hukuman-gantung-diketepikan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **BUDAK 4 TAHUN LEMAS, ABANG TIRI DIBERKAS BANTU SIASATAN** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/25/budak-4-tahun-lemas-abang-tiri-diberkas-bantu-siasatan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **WARGA EMAS BINA ‘LAMAN ATUK’ DI HALAMAN RUMAH** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/warga-emas-bina-laman-atuk-di-halaman-rumah/ | UTUSAN.COM.MY |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **WARGA EMAS RENTUNG RUMAH TERBAKAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1013654/warga-emas-rentung-rumah-terbakar | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1157484/warga-emas-rentung-rumah-terbakar | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/26/warga-emas-rentung-dalam-kebakaran/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-rentung-rumah-terbakar-2/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=4AcaHZlp8LI | YOUTUBE |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/26/warga-emas-ditemukan-rentung-rumah-terbakar | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://wartaoriental.com/2023/09/26/lelaki-warga-emas-ditemukan-rentung-di-penampang/ | WARTAORIENTAL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **BAYI LAHIR 2023 HIDUP SEHINGGA 74.8 TAHUN - DOSM** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lahir-2023-hidup-sehingga-748-tahun-dosm-439157 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2229181 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/dosm-bayi-lahir-2023-hidup-sehingga-748-tahun-DB11542540 | THESUNDAILY.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/09/26/penduduk-daerah-petaling-dijangka-hidup-paling-lama/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

27/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **PERBICARAAN GANGGUAN SEKSUAL EBIT LEW DITANGGUH JANUARI TAHUN DEPAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/perbicaraan-gangguan-seksual-ebit-lew-ditangguh-januari-tahun-depan/ | UTUSAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AMAL SIKAP IHSAN BENDUNG PENDERAAN KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Amal sikap ihsan bendung penderaan kanak-kanak



Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar, Universiti Putra Malaysia

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

**Kanak-kanak** adalah generasi pewaris negara perlu dilindungi dan dididik dengan penuh kasih sayang. Namun mengikut laporan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini saja, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengendalikan 2,959 kes penderaan berbentuk fizikal, seksual, emosi dan pengabaian kanak-kanak.

Ini menunjukkan masalah penderaan kanak-kanak semakin serius dan golongan dewasa sepatutnya menjadi pelindung mula bertukar watak menjadi pengancam sehingga ramai kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal serius, malah ada yang meninggal dunia.

Perkembangan ini membuktikan masih banyak perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap kesedaran rakyat selain menerapkan konsep ihsan menjadi tonggak pembentukan masyarakat madani dalam diri setiap anggota masyarakat.

Ihsan dalam konteks ini membawa maksud peduli dan belas kasihan, mengasihi orang lain merangkumi ahli keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan anggota masyarakat secara keseluruhan termasuk golongan minoriti. Perasaan ihsan digambarkan mewakili soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi mengubatinya.

Ihsan akan menjadikan kita sebagai manusia tidak mementingkan diri sendiri, tidak tamak, tahu menghormati hak orang lain dan saling ambil peduli masalah yang membelenggu anggota masyarakat walaupun kita berbeza agama, kaum dan budaya.

Usaha dan inisiatif untuk menerapkan nilai ihsan ke dalam jiwa serta sanubari setiap anggota masyarakat perlu terus dipergiatkan supaya dapat melahirkan masyarakat madani tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa prihatin dengan kesusahan orang lain.

Budaya 'menjaga tepi kain orang' berpaksikan konsep ihsan wajar diterapkan dalam diri masyarakat demi melindungi golongan kanak-kanak. Ini penting kerana selama ini ramai tidak peduli dengan apa yang berlaku di sekeliling termasuk masalah penderaan kanak-kanak kerana budaya dan sikap mementingkan diri sendiri semakin menebal.

Anggota masyarakat sepatutnya bertindak lebih proaktif dan bersikap ihsan supaya prihatin dengan kes penderaan atau pengabaian kanak-kanak sedang berlaku. Masyarakat tidak boleh menutup tutup mata dan telinga dengan persekitaran, sebaliknya segera melaporkan kepada pihak berkuasa jika mendapati berlaku kes penderaan di mana saja.

Selain itu pengusaha taman asuhan kanak-kanak (TASKA) juga perlu menghayati nilai ihsan supaya lebih bertanggungjawab menjaga dan melindungi kanak-kanak diamanahkan untuk 'dijaga' kepada mereka. Berdasarkan pendedahan pihak berkuasa, sebanyak 310 kes penderaan kanak-kanak di TASKA dilaporkan sepanjang tahun lalu.

Di samping itu, penderaan membabitkan ibu bapa serta ahli keluarga juga semakin membimbangkan dan ini tidak sepatutnya berlaku kerana anak adalah anugerah tuhan tidak ternilai dan menjadi tanggungjawab ibu bapa melindungi keselamatan mereka.

Kebanyakan kes penderaan seperti ini membabitkan keluarga bermasalah sama ada ibu bapa bercerai, terbabit dengan penagihan dadah atau mengalami kesempitan hidup dan masalah kewangan serius.

Walau apa pun dugaan dan cabaran dilalui, setiap anggota masyarakat perlu menghayati dan mengamalkan nilai ihsan supaya sedar tanggungjawab serta keperluan melindungi keselamatan kanak-kanak.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAHKAMAH TOLAK PERMOHONAN LELAKI DIRUJUK KE HOSPOTAL PSIKIATRI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Kes bunuh wanita hamil

# Mahkamah tolak permohonan lelaki dirujuk ke hospital psikiatri

**Sungai Besar:** Mahkamah Majistret di sini, semalam, menolak permohonan seorang lelaki yang dituduh membunuh seorang wanita hamil di Jalan Sungai Limau dekat sini, supaya dirujuk ke hospital psikiatri.

Majistret, Siti Hajar Ali menolak permohonan tertuduh dalam kes itu, Muhammad Fakrul Aiman Sajali, 20, atas alasan perkara itu perlu diputuskan Mahkamah Tinggi.

"Mahkamah berpendapat secara asasnya permohonan begini perlu diputuskan hakim yang menjalankan kes ini, iaitu Hakim Mahkamah Tinggi dan mahkamah ini sedar keperluan mengikut Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah perlu dipatuhi.

"Mahkamah juga berpendapat penolakan permohonan pada peringkat ini tidak akan memprejudis hak tertuduh. Peguam pada bila-bila masa boleh membuat permohonan itu di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi yang akan menjalankan perbicaraan kes ini nanti," katanya.

Permohonan itu dibuat peguam Muhammad Nor Tamrin, yang mewakili Muhammad Fakrul Aiman pada 3 Ogos lalu.

Pada prosiding lalu, Muhammad Nor memohon mahkamah supaya anak guamnya dirujuk ke hospital psikiatri, berikutan hasil temu bual pihaknya bersama tertuduh mendapati keadaan mental anak guamnya dilihat tidak stabil.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Qiwamuddin Mustapha Shakri.

Mahkamah kemudian menetapkan 7 November depan bagi sebutan semula kes. BERNAMA




*Muhammad Fakrul Aiman dibawa ke Mahkamah Majistret Sungai Besar semalam.* (Foto BERNAMA)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEBUTAN KES AMANG SEKSUAL PU AZMAN DITANGGUH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sebutan kes amang seksual PU Azman ditangguh

**Ampang:** Sebutan kes amang seksual membabitkan pendakwah selebriti, Azman Syah Alias atau dikenali sebagai Pencetus Ummah (PU) Azman, ditangguhkan selepas beliau dan peguamnya tidak hadir dalam sebutan kes di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mahkamah dimaklumkan e-mel sudah dihantar dan telefon berulang kali dibuat bagi memaklumkan sebutan kes semalam, namun tidak menerima maklum balas daripada mereka.

Perkara itu dimaklumkan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Norhazani Hamzah yang kemudian menetapkan tarikh baharu, iaitu 4 Oktober ini untuk sebutan kes.

Terdahulu pada prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya Nurfadzlin Mahmad Zulhasnan memaklumkan kes pertuduhan seksual dihadapi Azman, 43, dari Mahkamah Klang sudah dipindahkan ke mahkamah di sini pada 4 September lalu.

Azman yang juga dikenali sebagai Cik Man menghadapi 12 pertuduhan seksual, iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, empat kes di Mahkamah Majistret dan Sesyen Klang, satu pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ampang serta dua kes di Mahkamah Shah Alam.

Pendakwah itu dihadapkan kali pertama ke Mahkamah Sesyen Seremban pada 12 Oktober tahun lalu atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.

Dia didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas remaja berusia 16 dan 17 tahun itu dengan cara melakukan perbuatan kelucahan melampau.

Kesalahan itu dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan di Nilai, Negeri Sembilan pada 6 Julai 2022.

Azman kemudian dituduh di Mahkamah Sesyen di sini pada 21 Disember tahun lalu kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki berusia 17 tahun di sebuah bilik resort di Hulu Langat, pada tengah hari 22 Julai tahun lalu.

Beliau turut berdepan empat lagi pertuduhan di dua mahkamah lain berhubung kesalahan jenayah seksual yang didakwa dilakukan terhadap dua kanak-kanak dan seorang lagi remaja.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK MENGAKU SALAH SIMBAH ANAK AIR PANAS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tak mengaku salah simbah anak air panas

**Melaka:** Seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini semalam, atas pertuduhan menyimbah air panas ke atas anaknya dalam kejadian tahun lalu.

Tertuduh, berusia 37 tahun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di depan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas seorang remaja lelaki berusia 13 tahun dengan cara menyimbah air panas ke arah mangsa.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh kira-kira jam 2.56 pagi di sebuah rumah di Sungai Udang, pada 27 Jun 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326 A kanun sama yang memperuntuk hukuman sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.

Terdahulu, prosiding pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Nazrin Ali Rahim memohon agar jaminan tidak diberikan dengan mengambil kira faktor tertuduh tinggal bersama mangsa, selain dia tidak diwakili peguam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DISYAKI BERI SUAPAN KERETA MEWAH DIREMAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita disyaki beri suapan kereta mewah direman

## Ahli perniagaan ditahan selepas beri keterangan di ibu pejabat SPRM

**Oleh Mohd Iskandar Ibrahim**
mohd_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Seorang pemilik syarikat penyelenggaraan dan pembersihan direman empat hari sehingga Jumaat ini kerana disyaki memberi suapan kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan kemudahan bernilai RM87 juta membabitkan sebuah kementerian.

Menurut sumber, suspek wanita berusia lingkungan 30-an itu ditahan pada jam 6.50 petang kelmarin, selepas memberi keterangan di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini.

**Kereta bernilai RM200,000**

"Suspek disyaki memberikan suapan, iaitu kereta mewah bernilai kira-kira wRM200,000 kepada pegawai kanan kementerian terbabit pada tahun ini.

"Ini bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan untuk tempoh lima tahun yang sudah diluluskan pada 2021," katanya.



*Tan Kang Sai*

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Aima Nabila Muhammad Azhar selepas SPRM membuat permohonan terbabit di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Tan Kang Sai, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU KEJAM BOLEH DIPENJARA 20 TAHUN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SIMBAH AIR PANAS KE BADAN ANAK

# Ibu kejam boleh dipenjara 20 tahun

**Melaka:** Seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, atas pertuduhan menyimbah air panas terhadap anak kandungannya, tahun lalu.

Tertuduh berusia 37 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas seorang remaja lelaki berusia 13 tahun dengan cara menyimbah air panas ke arah mangsa.

**13**
Umur mangsa yang disimbah air panas.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh pada jam 2.56 pagi di sebuah rumah di Sungai Udang, pada 27 Jun 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 326 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326 A kanun sama yang memperuntukkan hukuman sehingga 20 tahun dan denda atau sebatan.

Terdahulu, prosiding pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wardah Ishhar, memohon supaya jaminan tidak diberikan dengan mengambil kira faktor tertuduh tinggal bersama mangsa di rumah sama selain dia tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 Oktober ini sebagai tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Difahamkan, kejadian berpunca apabila tertuduh berang dengan mangsa yang juga anak keduanya kerana menghabiskan data Internet telefon bimbitnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PU AZMAN, PEGUAM TAK NAMPAK 'BAYANG' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SEBUTAN KES AMANG SEKSUAL PU AZMAN DITANGGUH

# PU Azman, peguam tak nampak 'bayang'

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Ampang**

Sebutan kes amang seksual membabitkan Pencetus Ummah (PU) Azman ditangguhkan selepas pendakwah selebriti itu dan peguamnya tidak hadir di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mahkamah dimaklumkan pihaknya sudah menghantar e-mel dan menelefon berulang kali bagi memaklumkan sebutan kes berkenaan, namun tidak menerima maklum balas mereka.

Perkara itu dimaklumkan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Norhazani Hamzah yang kemudian menetapkan tarikh baharu iaitu 4 Oktober ini untuk sebutan kes.

Terdahulu dalam prosiding itu, Timbalan Pendakwa Raya, Nurfadzlin Mahmad Zulhasnan memaklumkan pertuduhan seksual dihadapi Azman atau nama sebenar Azman Syah Alias, 43, dari mahkamah di Klang sudah dipindahkan ke mahkamah, di sini, pada 4 September lalu.

Azman yang juga dikenali sebagai Cik Man menghadapi 12 pertuduhan seksual iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, empat kes di Mahkamah Majistret dan Sesyen Klang, satu pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ampang dan dua kes di Mahkamah Shah Alam.

Pendakwah selebriti itu dihadapkan kali pertama ke Mahkamah Sesyen Seremban pada 12 Oktober tahun lalu atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.

Dia didakwa melakukan amang seksual fizikal ke atas remaja berusia 16 dan 17 tahun itu dengan cara melakukan perbuatan kelucahan melampau .

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan di Nilai, Negeri Sembilan pada 6 Julai 2022.

Azman kemudian dituduh di Mahkamah Sesyen, di sini, pada 21 Disember tahun lalu kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki berusia 17 tahun di sebuah bilik resort di Hulu Langat, pada waktu tengah hari 22 Julai tahun lalu.

Beliau turut berdepan empat lagi pertuduhan di dua mahkamah lain berhubung kesalahan jenayah seksual yang didakwa dilakukannya terhadap dua kanak-kanak dan seorang lagi remaja.


PU Azman

Azman yang juga dikenali sebagai Cik Man menghadapi 12 pertuduhan seksual iaitu lima pertuduhan di Mahkamah Sesyen Seremban, empat kes di Mahkamah Majistret dan Sesyen Klang, satu pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ampang dan dua kes di Mahkamah Shah Alam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TERIMA KASIH PENYELAMATKU | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

AMAH MANGSA DERA, ROGOL MAJIKAN

# TERIMA KASIH PENYELAMATKU





Penderitaan seorang pembantu rumah warga Indonesia yang menjadi mangsa dera dan rogol majikannya berakhir selepas dia diselamatkan polis. Wanita berusia 29 berkenaan sebelum itu meminta bantuan seorang pekerja syarikat logistik yang kebetulan melakukan kerja pemindahan barangan di rumah jiran ketika itu. Suspek kini ditahan polis bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan. lapor Muhaamad Hafis Nawawi

MS2

# WAJAH SUGUL BONGKAR SENGSARA

*Amah mangsa rogol majikan rayu pekerja syarikat logistik lapor polis*

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Wajah sugul seorang pembantu rumah warga Indonesia berdiri di pintu jeriji sebuah unit kondominium di Kepong, di sini, membongkar kesengsaraan dirinya apabila mendakwa menjadi mangsa pukul dan rogol oleh majikannya.

Dalam kejadian jam 3 petang Jumaat lalu, wanita berusia 29 tahun itu dilihat berada di pintu rumah selama 15 minit sambil memerhatikan pekerja sebuah syarikat logistik memindah masuk barang di rumah jirannya.

Wanita itu kemudian memberanikan diri meminta bantuan daripada pekerja terbabit untuk membantu menyelamatkannya dengan menghubungi pihak berkuasa.

Menceritakan semula kejadian, penghantar barangan terbabit yang mahu dikenali sebagai Hafis (bukan nama sebenar), 33, berkata, dia ketika itu sedang memindahkan barangan milik penghuni yang berpindah masuk ke unit kondominium berkenaan.

> "Wanita terbabit panggil saya dan merayu-rayu supaya selamatkan dia" — Hafis

Menurutnya, sebelum itu dia menyedari wanita terbabit hanya berdiri di depan pintu rumahnya dan melihat mereka memindahkan barangan.

"Tidak lama kemudian, wanita terbabit memanggil saya dan merayu-rayu supaya menyelamatkan dia dengan meminta untuk menghubungi polis.

"Dia memberitahu saya bahawa majikannya memukulnya dengan batang besi dan turut mengambil kesempatan ke atas dirinya," katanya kepada Harian Metro.

Hafis berkata, wanita terbabit juga menunjukkan kesan lebam di badannya akibat dipukul majikannya.

"Simpati dengan nasibnya, saya kemudian menghubungi polis dan meninggalkan nombor telefon saya kepada wanita itu. Polis kemudian meminta saya datang ke balai untuk membuat laporan," katanya.

Susulan laporan polis dibuat lelaki itu, polis yang menerima maklumat kemudian menyerbu rumah terbabit dan menyelamatkan mangsa.

Menurut sumber, mangsa dipercayai menjadi mangsa rogol majikannya sekitar Ogos lalu, namun sedang menjalani pemeriksaan lanjut.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan mengesahkan kejadian berkata, siasatan berkenaan dibuat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Menurutnya, sepasukan polis yang menyerbu rumah berkenaan turut menahan suspek bagi membantu siasatan.





MANGSA menunjukkan kesan kecederaan selepas mendakwa dipukul majikan ketika ditemui di sebuah kondominium di Kepong.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TERTEKAN MASALAH RUMAH TANGGA, HUTANG | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

WANITA TERJUN SUNGAI

# Tertekan masalah rumah tangga, hutang

**Tumpat:** Seorang wanita bertindak terjun dari Jambatan Sultan Yahya Petra di sini, semalam, dipercayai akibat tertekan dengan masalah rumah tangga dan juga bebanan hutang yang ditanggung.

Wanita yang berusia 30-an terbabit diselamatkan orang ramai dan beberapa pemandu bot yang kebetulan berada di tebing Sungai Kelantan di Kampung Pasir Pekan, di sini.

Menurut pemilik jeti, Muhamad Juhari Nayan, 52, ketika kejadian kira-kira jam 9 pagi itu, dia kebetulan berada di jeti dan sedang berbual bersama beberapa rakan.

"Saya menerima panggilan telefon daripada seorang rakan yang memberitahu ada seorang wanita sedang lemas selepas terjun dari jambatan.

"Tanpa membuang masa saya terus menghidupkan enjin bot dan terus menghala ke arah lokasi wanita berkenaan iaitu kira-kira 100 meter dari jeti.

"Sebaik mendekatinya, rakan melemparkan pelampung ke arah mangsa yang kelihatan tenggelam timbul dalam sungai dan sebaik berjaya mencapainya, wanita berkenaan dibawa naik ke dalam bot seterusnya dibawa ke jeti," katanya ketika dihubungi, semalam.

Muhamad Juhari berkata, wanita itu memberitahu bahawa dia tertekan dengan masalah rumah tangga serta bebanan hutang yang ditanggung ahli keluarga.

Menurutnya, wanita berkenaan memberitahu dia datang dari Kota Bharu dengan memandu kereta sebelum memarkirnya di atas jambatan dan terus terjun ke sungai.

"Keadaannya memang nampak tertekan dan kami cuba untuk menenangkannya sebelum dia dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TOLAK PERMOHONAN PEMERIKSAAN MENTAL | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MUHAMMAD Fakrul Aiman (depan) yang dituduh membunuh seorang wanita hamil di Jalan Sungai Limau dibawa ke Mahkamah Majistret Sungai Besar untuk sebutan kes, semalam.

KES BUNUH KEKASIH HAMIL

# Tolak permohonan pemeriksaan mental

*Mahkamah Majistret serah kepada kuasa Mahkamah Tinggi*

Bernama

**Sungai Besar**

Mahkamah Majistret di sini, semalam menolak permohonan seorang lelaki yang dituduh membunuh seorang wanita hamil di Jalan Sungai Limau dekat sini, supaya dirujuk ke hospital psikiatri.

Majistret Siti Hajar Ali menolak permohonan itu atas alasan perkara itu perlu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

"Mahkamah berpendapat, secara asasnya permohonan begini hendaklah diputuskan oleh hakim yang menjalankan kes ini iaitu Hakim Mahkamah Tinggi dan mahkamah ini sedar keperluan di bawah Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah perlu dipatuhi.

"Mahkamah juga berpendapat, penolakan permohonan pada peringkat ini tidak akan memprejudiskan hak tertuduh. Peguam pada bila-bila masa boleh membuat permohonan tersebut di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi yang akan menjalankan perbicaraan kes ini nanti," katanya.

Permohonan itu dibuat peguam, Muhammad Nor Tamrin, yang mewakili Muhammad Fakrul Aiman Sajali, 20, pada 3 Ogos lalu.

Pada prosiding lalu, Muhammad Nor memohon mahkamah supaya anak guamnya dirujuk ke hospital psikiatri berikutan hasil temu bual pihaknya bersama tertuduh mendapati, keadaan mental anak guamnya dilihat tidak stabil.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Qiwamuddin Mustapha Shakri.

Mahkamah kemudian menetapkan 7 November ini bagi sebutan semula kes.

Pada 1 Jun lalu, Muhammad Fakrul Aiman didakwa membunuh Nur Anisah Abdul Wahab, 21, di Jalan Sungai Limau di sini, antara jam 8.30 malam 22 Mei dan jam 8 pagi, 23 Mei lalu.

Bekas penuntut kolej itu dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DISYAKI BERI SUAPAN KERETA MEWAH DEMI PROJEK DITAHAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita disyaki beri suapan kereta mewah demi projek ditahan

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang wanita kerana disyaki memberi suapan kereta mewah bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan sebuah kementerian bernilai RM87 juta.

Menurut sumber, suspek berusia 30-an itu dipercayai pemilik syarikat penyelenggaraan dan pembersihan ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pada 6.50 petang kelmarin.

"Suspek disyaki memberi suapan berupa kereta mewah RM200,000 kepada pegawai kanan kementerian terbabit pada tahun ini bagi mendapatkan projek pengurusan fasiliti dan penyelenggaraan bagi tempoh lima tahun yang diluluskan pada 2021," katanya.

Perintah reman selama empat hari bermula semalam hingga 29 September ini dikeluarkan oleh Majistret Aima Nabila Muhammad Azhar selepas SPRM membuat permohonan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas Datuk Tan Kang Sai ketika dihubungi mengesahkan tangkapan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS RENTUNG RUMAH TERBAKAR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas rentung rumah terbakar



ANGGOTA bomba dan polis menyiasat lokasi kebakaran di Kampung Babagon, Penampang.

**Penampang:** Seorang lelaki warga emas ditemui rentung dalam kebakaran di sebuah rumah di Kampung Babagon, di sini, semalam.

Mangsa, Liew Ah Ngou, 68, yang tinggal bersendirian dan menghidap angin ahmar ditemui selepas api berjaya dipadamkan anggota bomba.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Penampang Zeno Tinggalan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 9.07 pagi.

Katanya, sepasukan anggota dan pegawai dikerahkan ke lokasi kejadian sejauh 11.3 kilometer dari lokasi balai bomba menggunakan sebuah jentera.

"Setibanya di lokasi kejadian, pasukan operasi mendapati tiada laluan untuk jentera bomba masuk.

"Pasukan operasi terpaksa berjalan kaki melalui jambatan gantung untuk menyeberangi sungai ke lokasi kejadian," katanya ketika dihubungi, semalam.

Zeno berkata, operasi pemadaman menggunakan satu aliran sepanjang 121 meter dari sumber air tangki jentera bomba.

Katanya, terdapat seorang lelaki ditemui rentung dan mayat mangsa kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

"Berdasarkan siasatan awal, mangsa dipercayai tinggal bersendirian dan mengalami masalah kesihatan akibat serangan angin ahmar.

"Api berjaya dikawal pada jam 10.10 pagi sebelum operasi ditamatkan jam 11.30 pagi selepas pemeriksaan dijalankan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Penampang Superintendan Sammy Newton berkata, berdasarkan siasatan awal, pihaknya tidak mengesan sebarang unsur jenayah.

Katanya, mayat mangsa dihantar ke Hospital Queen Elizabeth untuk proses bedah siasat bagi mengenal pasti punca sebenar kematiannya.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dengan kerjasama JBPM dan setakat ini kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | AVERAGE LIFE EXPECTANCY OF BABIES BORN IN 2023 IS 74.8 YEARS - DOSM | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Average life expectancy of babies born in 2023 is 74.8 years — DoSM

**PUTRAJAYA:** The average life expectancy of babies born is expected to be 74.8 years, according to the Abridged Life Tables, Malaysia, 2021-2023 findings released by the Department of Statistics (DoSM) yesterday.

The publication says on average, a baby girl born in 2023 is expected to live up to 77.4 years, longer than a baby boy's expectancy of 72.5 years.

The publication contains abridged life tables by age group, ethnic group and sex in state and country levels for the period 2021-2023.

It also presents life expectancy at birth by sex for 156 administrative districts.

Commenting on the report, Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin in a statement said the highest life expectancy at birth for males and females by state for the period of 2021 to 2023 was recorded by Selangor, while Terengganu recorded the lowest life expectancy for the same period.

"The highest life expectancy at birth for males and females by administrative districts for 2023 was recorded in Petaling, Selangor (80.5 years) while Samarahan, Sarawak recorded the highest life expectancy in 2022 (79.6 years) and 2021 (79.8 years).



Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin

"Kecil Lojing, Kelantan recorded the lowest life expectancy at birth for 2023 (62.8 years) and 2022 (63.2 years) while Kuala Penyu, Sabah recorded the lowest for 2021 (64.2 years)," he said.

Mohd Uzir said males who reach the age of 15 and 60 years in 2023 are expected to live for another 58.3 years and 18.3 years respectively, which indicates that a male aged 15 and 60 years in 2023 is expected to live until the age of 73.3 years and 68.3 years, respectively.

On the other hand, females in the same age groups are expected to live for another 63.1 years and 21.1 years, resulting in life expectancy of 78.1 years and 81.1 years, respectively, he said. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDGET 2024: KPWKM TO FOCUS ON IMPROVING TRAINING IN CARE ECONOMY | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budget 2024: KPWKM to focus on improving training in care economy

**KOTA KINABALU:** The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) will, among others, focus on efforts to enhance training and guidance in the care economy through Budget 2024 that will be tabled next month.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the commitment was important to meet market demands as well as ensure that individuals involved in the care economy, which refers to jobs providing services to help individuals in need, are trained and skilled.

"This is because some say there are no jobs for people to take care of those in need such as the disabled, including children and the elderly.

"As such, we aim to produce trained caretakers," she told reporters after officiating the Sabah Women's Income Generation Programme (WeJana) 2023 here, yesterday.

Nancy said her ministry is also committed to continuing to strengthen the 2 Years Exit Programme (2YEP) to help more women get involved in business and go on to generate economy and income.

Regarding the WeJana 2023 programme, she said it focuses on housewives who are involved in unpaid care work so that they can earn income while carrying out their responsibilities as carers.

She said the main objective of the programme was to guide the participants to generate self-income and provide systematic training for them to start a business, especially online business.

Nancy said 35 of the 200 selected participants in the programme were from Sabah, with four aspects highlighted in the guidance module covering financial management, sales and marketing, business branding and customer service.

She said WeJana is also part of the ministry's commitment to providing an ecosystem that supports efforts to increase opportunities and participation of women in the economy, besides financial assistance through the Wanita Bangkit initiative implemented by the National Welfare Foundation (YKN).

"This is a continuation of the women's empowerment programme implemented strategically through KPWKM agencies to generate income for women and reduce their dependence on others," she said. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DEPT URGED TO URGENTLY REVIEW CRITERIA FOR WELFARE ASSISTANCE | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Dept urged to urgently review criteria for welfare assistance

**SIBU:** The Social Welfare Department has been called on to urgently review and revise the criteria for a successful social welfare application.

Former Bukit Assek assemblywoman Irene Chang made the call following news report on former media practitioner, Edwin Jemat Nangkai, not receiving any welfare assistance from the state government.

Chang pointed out Edwin's plight is therefore a wake-up call for Sarawak government to urgently review whether the existing criteria applied by the Social Welfare Department are living up to its purpose of helping people in financial need.

On Sept 24, The Borneo Post reported Edwin as hoping to receive some form of welfare assistance from the state government in order for him to go through his daily life after becoming disabled in 2016.

Edwin, 70, is partially paralysed after a motorcycle accident seven years ago.

"The news on the former media practitioner, Edwin Jemat Nangkai, not receiving any welfare assistance from the state government underscores the need by Social Welfare Department to urgently review and revise the criteria for a successful social welfare application. This review and revise exercise should have been carried out periodically in order that social welfare department can effectively meet the needs of the people.

"In this case of Edwin Jemat Nangkai, I am not surprised that his application was rejected as it was reported that he was a pensioner. From my experience, as long as an applicant has a source of financial aid from somewhere, the application would, more likely than not, be disallowed. It would not matter how meagre is the financial aid and whether that financial aid is sufficient for the needs of the applicant.

"Even sadder, from the many cases which I have helped to apply for social aid assistance, as long as the applicant has a living child who is an adult and gainfully employed, the application for social assistance would, more likely than not, be not successful," said Chang in a press release here yesterday.



Irene Chang

While she does agree with the principle that children should be expected to look after the welfare of their aged parents, it is a sad reality that many are not able to do that.

In Sibu, many young people are compelled to leave home to look for livelihood elsewhere, she noted.

According to Chang, many of these people claim that they are barely making ends meet and hence are not able to regularly send money back to their old parents at home.

Hence, their old parents are left to fend for themselves, she bemoaned, adding that they look to social welfare for help but dismally, not all can be successful.

"Factors such as income, family size, disability and other relevant circumstances which are used to determine eligibility should be flexible and adaptable to the circumstances of the respective applicants. Room for adjustments in eligibility criteria should be allowed during their times of crisis.

"I therefore urge the ministry in charge of social welfare to urgently look into reviewing and revising the social welfare criteria.

"This process should be constantly guided by the principle of improving the well-being of our most vulnerable members of society, that is, the elderly population and the B40s. It should also be conducted with empathy and a commitment to ensure that those in need receive the support and assistance they require," Chang said.

Towards this end, she reckoned that there is indeed no point for the Sarawak government's Post-Covid Development Strategy (PCDS) 2030 to meet its target to make Sarawak a high-income state by 2030 if the high income status does not commensurate with the living standards of all its population groups, including the most vulnerable.

"No one should be left behind."

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DON'T BE COMPLACENT ABOUR SARAWAK'S EXISTING PEACE AND HARMONY, SAYS MINISTER | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Don't be complacent about Sarawak's existing peace and harmony, says minister

**KUCHING:** All parties are reminded not to be complacent with the existing peace, harmony and unity in the state.

Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Dato Sri Fatimah Abdullah emphasised the need for continuous efforts in preserving these three crucial aspects.

"For us in Sarawak, we are often cited as an exemplary state for fostering unity among diverse communities. This is something we must uphold.

"We cannot afford to be complacent — harmony and unity are matters that require attention, and should be a top priority in our state, starting from early childhood education to adulthood," she said.

She said this during a press conference after chairing a meeting of the Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri Sarawak (JTPNS) here yesterday.

Fatimah, who also chairs the JTPNS, stressed the importance of inter-ethnic unity in ensuring the state's development plans are executed effectively, leading Sarawak towards high-income status by 2030.

"For us in Sarawak, this is of paramount importance. A good state of security, harmony and unity allows our state government, under the leadership of our Premier, to focus on development," she said.

She noted that thus, numerous activities and programmes have been organised to include everyone, ensuring they do not compromise their religious beliefs in the process.

During the meeting, Fatimah officially appointed JTPNS members which represented various ethnic groups, academics, non-governmental organisations and community leaders.

"The members of JTPNS for 2022-2024 session transcend race, religion, and age. Such appointments are crucial to ensure that all parties are represented, leaving no group feeling marginalised," she said.

Also present at the meeting were her deputy minister Datuk Rosey Yunus and Department of National Unity and Integration Sarawak deputy director Giri Nyerang.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMPOWERING WOMEN FOR A BETTER TOMORROW | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Empowering Women for a Better Tomorrow

In a quest for an egalitarian future, empowering women remains crucial. Empowering women is not limited to justice or granting them rights, as mentioned in the Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women (CEDAW) acceded by Malaysia in 1995. In fact, it is a strategic imperative that has far-reaching benefits for individuals, communities, and nations. It is not a cliché when we say that when women are empowered, we unlock their immense potential and enable societies to thrive and flourish.

### Unique Challenges Requires Creative Approaches

Malaysia, just like any other country, faces unique challenges in empowering women that require a whole-of-nation approach involving the Government, the private sector, civil societies and communities. As a multicultural and multi-religious society, traditional gender roles are deeply ingrained in many communities. Cultural norms such as women's role as caregivers can sometimes hinder efforts to promote gender equality and women's empowerment. However, as Malaysia moves towards becoming an aged nation by 2030, the need for care work will increase. These challenges require creative approaches, such as turning them into opportunities, "making lemonade out of lemons".

### Unlocking Women's Economic Potential

Malaysia's female student enrolment rate is higher than that of male students at all levels of education, with the highest difference in the tertiary level. In 2022, the number of women enrolled in local public higher education institutions constitutes 61% of the overall students. Still, this stellar educational success has yet to translate to greater labour force participation. According to the Department of Statistics Malaysia, despite recording an upward trend, the female labour force participation rate was only 55.8% compared to males at 81.9% in 2022. In this regard, the major composition of the outside labour force by sex is also female, which accounts for 69.6% compared to males at 30.4%.

The median pay gap between men and women has also widened based on the employee wages statistics report for the first quarter of 2023. This is because male workers stay in the workforce longer while women exit the workforce at a much faster pace to attend to family commitments and child care.

Understanding the need to unlock women's economic potential, there is a need for new policies, regulatory efforts and support programs to empower women and hence encourage them to participate in the economy and the labour force. These include addressing systemic issues such as unpaid care work and gender discrimination and providing an enabling environment for women and their families.




YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Secretary General of the Ministry of Women, Family and Community Development chairs the 22nd ASEAN Committee on Women (ACW) and 15th ACW+3 Meeting which was also attended in person by Madam Soukphaphone Phanit, ACW Focal Point from Lao PDR as the outgoing chair.



YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Secretary General of the Ministry of Women, Family and Community Development and Madam Yanti Kusumawardhani, Indonesia's Representative on Children Rights to ACWC co-chaired the 10th ACWC-ACW Consultation Meeting as the ACW Chair and ACWC Chair respectively.



The 27th ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) Meeting was chaired by Madam Yanti Kusumawardhani, Indonesia's Representative on Children Rights to ACWC and Chair of ACWC. The meeting was also co-chaired by Madam Soukphaphone Phanit, Lao PDR's Representative on Women Rights to ACWC and Vice-Chair of ACWC.



The 22nd ACW, 27th ACWC and Related Meetings were conducted in hybrid mode via video conference attended by most ASEAN Member States (AMS) and in person attendance by Malaysian, Indonesian & Lao PDR delegates.

### Empowering Women is a National Agenda

In July, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the Madani Economy framework aims to increase women's labour force participation to 60%. This target was re-emphasised in the Twelfth Malaysia Plan (12MP) Mid-Term Review (MTR) that has been realigned with the aspiration and vision of the Madani Economy under the Unity Government. To boost female participation in the labour market, women will be empowered to leverage the potential of the care industry to improve the quality of care required in the family.

### How, then, do we empower women?

In empowering women, six aspects need to be stressed:

- Education and capacity building.
- Economic empowerment.
- Leadership and representation.
- Gender equality in the workplace.
- Addressing gender-based violence.
- Supportive policies and programs.

Education and capacity building are the cornerstone of empowerment. We must ensure that every girl and woman can access quality education and training. In this regard, to increase the number of skilled care workers and talents to support the care industry, focus has been given to training care workers through the Department of Social Welfare and the Malaysia Social Institute (ISM). In addition, awareness about gender equality and women's rights will be strengthened through education and advocacy efforts in shifting societal attitudes and fostering support for women's empowerment initiatives.

Economic empowerment is a foundation of gender equality. When women have access to economic opportunities, it is not just women who benefit; it's society as a whole. Studies consistently show that increasing women's participation in the workforce leads to higher Gross Domestic Products (GDP), increased productivity, and reduced poverty rates. In pursuing a better tomorrow, empowering women economically means ensuring equal pay for equal work, providing affordable care services, and supporting female entrepreneurs. Acknowledging the importance of women entrepreneur contributions, various strategies and initiatives were implemented under the National Entrepreneurship Policy 2030. Through knowledge and capacity building, women are empowered to unleash their entrepreneurship potential for their career of choice and support the aspiration of making Malaysia an outstanding entrepreneurial nation by 2030.

Empowering women to take on leadership roles and being represented in decision-making positions is essential. In this regard, the Government continues to support the 30% policy of women taking up decision-making positions, particularly in the private sector, higher education and the political arena. In 2022, the Government made it compulsory for publicly listed companies (PLCs) to have at least one woman as board director. As of July 2023, women now hold slightly more than 30% of board seats of the top 100 PLCs on Bursa Malaysia.

Gender equality in the workplace is not just about numbers but also creating environments where women can thrive. We must promote equal opportunities work-life balance, and address workplace harassment and discrimination. The Government aims to address this issue by empowering the existing government initiatives and engaging other strategic partners and stakeholders such as employers and community-based organisations (CBOs). These include financial assistance for child care; facilitating the registration process of childcare centres, establishing child care centres at the workplace; extending maternity leave to 98 days and mandating paternity leave; introducing flexible working arrangements, and return to work programs for women who left the workforce to take care of children.

Gender-based violence, in all its forms, must be addressed and prevented to empower women. In addressing gender-based violence, some laws and regulations provide reparation, rehabilitation and compensation based on the needs of the victims, such as the Penal Code [Act 574], Domestic Violence Act 1994 [Act 521], and Anti-Sexual Harassment Act 2022 [Act 840]. For domestic violence cases, the Department of Women's Development (DWD) provided shelter homes under the 24-hour One Stop Crisis Centre treatment for victims at government hospitals (emergency departments) to accommodate the needs of the victims. Initiatives by the DWD, such as 'MATAHARI', aim to improve women's well-being and 'IRIS' aims to increase legal literacy and women' s rights. In addition, a dedicated hotline for mental health issues, 'Heal 15555', began its operation in October 2022 for individuals in distress to get early assistance.

Supportive policies and programs play a crucial role in empowering women. Acknowledging the role of women in caregiving and addressing care deficits contributes to gender equality. When care responsibilities are shared more equitably, women can have better opportunities to participate in the formal economy and pursue their personal and professional aspirations. Realising that investment in the care economy is a key pillar to unleashing women's potential, special emphasis will also be given to improving quality infrastructure based on needs since the care industry requires specialisation and a well-structured system to support the services.

### 22nd ASEAN Committee on Women (ACW), 27th ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) and Related Meetings

Through the Ministry of Women, Family and Community Development, Malaysia hosted the 22nd ASEAN Committee on Women (ACW), 27th ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) and Related Meetings from 19 until 21 September 2023 via video conference. YBhg. Datuk Dr Maziah binti Che Yusoff, Secretary General of the Ministry of Women, Family and Community Development, chaired the 22nd ACW Meeting and assumed the chairmanship from the outgoing chair, Lao PDR. Meanwhile, the 27th ACWC was chaired by Indonesia and co-chaired by Lao PDR.

The theme "Empowering Women for a Better Tomorrow" was chosen in the 22nd ACW Meeting to indicate Malaysia's efforts in recognising and empowering women in every corner of society, irrespective of their potential and backgrounds. As the current Chair of ACW, Malaysia is committed to supporting gender equality and women's empowerment, which are reflected in the formulation of our national policies. This includes the appointment of a gender focal point (GFP) and gender focal team (GFT) in every ministry to support the gender mainstreaming agenda, the encouragement of women's participation in women, peace and security (WPS) agenda, the funding allocated for women's economic empowerment through entrepreneurship programmes and so forth.

Empowering women for a better tomorrow is not a mere aspiration but a necessity. It is a path towards creating a more just, prosperous, and harmonious world. When women are empowered, societies thrive, economies prosper, and the future brightens. The journey towards gender equality is ongoing and requires the collective efforts of governments, businesses, civil society, and individuals. It's a journey worth embarking on because the destination is a world where every woman can fulfil her potential and contribute to a better tomorrow, not just for herself but for the country's economic growth and development aligned with the Madani Economic framework.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KATSN: GIVE GRANTS TO NGOS SUPPORTING PWDS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KATSN: Give grants to NGOs supporting PwDs



Sim (front, right) alongside Fatimah (front, centre) and others in a photo call at the KATSN art exhibition.

**KUCHING:** The Kuching Association of Talent Development and Welfare of Special Needs (KATSN) has called on the government to establish a fixed annual grant for deserving non-governmental organisations (NGOs) in order to sustain their critical work in caring for special needs individuals.

"Now that we are a high-income state, we should be well-equipped to provide better care for our vulnerable citizens.

"KATSN hopes that there would be a fixed annual grant to deserving NGOs for them to carry out their invaluable work and an increase in the monthly allowance for our special needs individuals in light of the rising cost of living," said its advisor Dato Sim Kiang Chiok in a statement.

He also suggested that the state government supplement the existing allowance to ensure a more comfortable life for the children and adults besides reducing the stress associated with fulfilling their basic needs

Sim, speaking on behalf of KATSN and parents of special needs individuals, expressed hope for the timely completion of the Centre for Special Needs.

He said such facility would provide a place for special needs children and adults when their parents are no longer able to care for them or when there is no guardian available to look after their needs.

"We must trust that our government will continue to support our special children and adults when we are no longer able to do so," he added.

Meanwhile, Sim said KATSN was grateful for the efforts by the Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development and its minister Dato Sri Fatimah Abdullah to establish special training programmes at the Special Needs Training Centre in Samarahan.

He added that the programmes cater to individuals aged 16 to 35 and encompassed fields such as electrical work, sewing, hairdressing and computer skills - and the participants may receive a monthly allowance, accommodation, medical care, and even special needs walking assistance equipment.

"This was the much-needed initiative as there were no government programmes available after Form 5 for these special children before this centre was set up.

"KATSN hopes that the ministry will expand its facilities and programmes for these special children and adults, and to more areas," Sim said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN CLAIMS TRIAL TO SHOWING UNDERAGE SISTER PORN VIDEO ON MOBILE PHONE | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man claims trial to showing underage sister porn video on mobile phone

**KUCHING:** A 33-year-old man pleaded not guilty in the Sessions Court here yesterday to a charge of showing his 13-year-old sister a pornographic video on his mobile phone.

He made the plea before judge Musli Ab Hamid after the charge, framed under Section 15(e) of the Sexual Offences Against Children Act (Soaca) 2017 punishable under Section 15 of the same Act, was read to him.

The Section provides for a jail term of up to 10 years, or a fine of up to RM20,000, or both, upon conviction.

The court fixed Oct 24, 2023 for pre-trial case management for the prosecution to submit relevant documents under Section 51A of the Criminal Procedure Code.

The accused allegedly committed the offence at a village in Jalan Penrissen here at around 8.30am on Sept 20, 2023.

It was understood that the man was arrested after the victim lodged a police report after the incident.

DPP Ruvinasini Pandian appeared for the prosecution, while the accused was unrepresented.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN LOSE RM60K AFTER TAKING UP ONLINE LOAN, FAMILY NOW UNDER THREAT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman loses RM60k after taking up online loan, family now under threat

**KUCHING:** A businesswoman here lost more than RM60,000 after taking up an online loan, with her family now the subject of threats by the suspects involved.

Sarawak United People's Party (SUPP) Public Complaints Bureau chief Milton Foo said it all started when the victim, identified as 'Madam A', clicked on a link to an online loan application on Facebook in May this year.

He said the victim applied to borrow RM2,000 but the approved loan was RM1,400, which was credited into her account from a personal bank account and not from any financial institution or money-lending company.

She was then instructed to pay an 'interest rate' of RM600 every seven days.

"This is not the loan principal – that was only the interest! Every week, she had to pay RM600; just imagine if I continue to pay that sum for two months, the principal has already been covered, but I still cannot pay off the principal.

"She was also informed by the suspects that if she continued to use the 'loan service', she could then apply for a substantial loan amounting to RM20,000," Foo told a press conference at SUPP headquarters here yesterday.

He said from May to September, 'Madam A' and her husband were contacted by 32 different phone numbers, with the callers threatening that they would 'hunt' the victim's husband and children if she stopped her payments.

"The suspects even hacked my phone, got all my contacts, put them all inside a chat group, and posted an edited photo of me, saying that I am a liar and had defaulted my payments," said Madam A, who was present at the press conference together with her husband.

She added that she has since deactivated her Facebook account.

To a question, she said she was aware that the link she came across on Facebook was possibly a scam, but decided to click on it anyway out of desperation for money to run her business.

"It is not easy to get loans from banks these days, so I clicked on the link to learn more about the supposed loan. I needed to keep my business rolling," she added.

Meanwhile, Foo reminded the public not to fall for online loan scams no matter how desperate they are for cash.

"I've been repeating and reminding the public to not go for online loans even when the advertisement says the loan comes with low interest or without collateral.

"When you apply, this is what you get at the end of the day," he said.



Foo (centre) shows a police report lodged by the couple, who are holding up printed screenshots of messages between them and the suspects. — Photo by Galileo Petingi

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN PLEADS NOT GUILTY TO SCALDING SON | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman pleads not guilty to scalding son

**MELAKA:** A 37-year-old woman pleaded not guilty at the Sessions Court here to a charge of causing grievous injury to her teen son by splashing hot water on him for allegedly using up the data of her mobile phone.

The charge was read out before judge Mohd Sabri Ismail yesterday.

According to the charge, the accused had caused grievous injuries by splashing her 13-year-old son with hot water.

The offence was allegedly committed at a government quarters in Sungai Udang here at 2.56am on June 27, 2022.

She can be jailed for a maximum of 20 years and a fine or whipping if found guilty.

The accused, a mother of four, allegedly poured hot water on her second son after she found he had used her mobile data.

The victim's classmate discovered stains on the teen's uniform due to the injuries on his body when he went to school on the same day.

The classmate told his mother about the boy's injuries before she decided to lodge a police report.

Muhamad Nazrin Ali Rahim was the deputy prosecutor for the case while the accused was unrepresented.

No bail was granted to the accused and the court fixed Oct 26 for the next mention.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN DENIES SCALDING TEEN SON | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Woman denies scalding teen son

**MALACCA:** A woman pleaded not guilty in the Ayer Keroh Sessions Court yesterday to a charge of scalding her 13-year-old son last year.

The woman, 37, was charged with intentionally inflicting serious injury by splashing hot water on her son at about 3am at a government quarters in Sungai Udang on June 27, 2022.

She was charged under Section 326 of the Penal Code, which carries a prison sentence of up to 20 years and a fine or whipping.

The accused allegedly lost her temper with the boy, who is the second of her four children, for using up the broadband data on his mobile phone.

She allegedly often hits him and the issue came to light when the victim's friend noticed bloodstains on his school shirt.

The friend informed his mother and subsequently made a police report.

DPP Wardah Ishar said bail should not be granted as the accused and victim live in the same house.

Judge Mohd Sabri Ismail agreed with the prosecution and did not grant bail, fixing Oct 26 for the next case mention. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JELITAWAN IBAN DARI BINTULU DINOBAT MRS PETITE GLOBAL MALAYSIA 2023 | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Jelitawan Iban dari Bintulu dinobat Mrs Petite Global Malaysia 2023

**KUCHING:** Mel Vianna Lai dinobatkan sebagai Mrs Petite Global Malaysia 2023 selepas menewaskan sembilan finalis dari seluruh Malaysia pada pentas akhir gilang-gemilang yang diadakan di Platform Seni Persembahan, Menara TTDI Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jelitawan Iban berusia 39 tahun dari Bintulu itu membawa pulang wang tunai RM2,000 dan hadiah lain.

"Dengan memenangi gelaran ini, saya berpeluang mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa, Mrs Petite Global, pada Januari tahun depan.

"Saya berharap dapat membanggakan Malaysia dan meneruskan tradisi kemenangan berturut-turut untuk Malaysia sejak pemenang tahun lepas Joyce Nyupeh, juga berasal dari negeri tercinta Sarawak," kata Mel.




**TAHNIAH: Mel dimahkotakan Mrs Petite Global Malaysia 2023 oleh Joyce (kiri), pemenang gelaran Mrs Petite Global Malaysia 2022.**

Wanita yang berkerjaya sebagai seorang ahli perniagaan itu, mengakui dirinya adalah seorang yang sangat pemalu, sambil menyatakan bahawa pertandingan itu menjadi platform terbaik buat wanita yang sudah berkahwin sepertinya keluar dari zon selesa mereka.

"Banyak yang saya pelajari melalui perjalanan ini, terutamanya pengucapan awam, kemahiran berkomunikasi, cara 'catwalk' dan juga cara menjadi ratu cantik," katanya.

Kejayaan Mel bukan sahaja menandakan pencapaian peribadinya tetapi juga komitmennya untuk memberi kembali kepada masyarakat.

"Saya ingin membantu kanak-kanak kurang berkemampuan yang tidak mendapat akses pendidikan yang sewajarnya, khususnya di Sarawak.

"Pendidikan adalah jalan terbaik keluar daripada kemiskinan sebahagiannya kerana ia berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah masyarakat," tambahnya.

Mrs Petite Global Malaysia 2022 Joyce Nyupeh, telah menobatkan Mel sebagai Mrs Petite Global Malaysia 2023.

Mel juga memenangi gelaran Darling of the Crowd, Anugerah Popular, Gaun Malam Terbaik dan Anugerah Media Sosial.

Mengambil tempat naib juara ialah Zulaikha Safuan, seorang jurutera telekomunikasi gentian optik berusia 34 tahun dari Johor Bahru.

Dia juga memenangi gelaran Catwalk Terbaik.

Manakala Keysha Kumar, seorang eksekutif pemerolehan berusia 32 tahun dari Kuala Lumpur, mendapat tempat ketiga dan turut memenangi Anugerah Keserasian.

Peserta lain termasuk Shaza Hanani, seorang peguam jenayah berusia 31 tahun dari Klang, Selangor yang memenangi gelaran Mrs Petite Global West Malaysia 2023 dan juga Anugerah Temuduga Terbaik.

Gelaran Mrs Petite Global Pantai Timur Malaysia menjadi milik Lya Amanda, seorang pemilik perniagaan kecil dan suri rumah berusia 33 tahun dari Kuala Terengganu.

Dia juga memenangi Anugerah Fotogenik dan Anugerah Badan Cantik.

Mrs Petite Global, yang telah memasuki edisi kedua, telah ditubuhkan di Malaysia pada 2021 oleh pengasas Tiara Management Nickson Sim.

Ia bertujuan untuk menggalakkan pemerkasaan wanita melalui sistem sosial yang berbeza dan mentakrifkan semula konsep kecantikan dengan membuka pintunya untuk wanita kecil yang sudah berkahwin, bahawa mereka juga berkebolehan, bijak dan berkuasa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JKM PERLU SEGERA SEMAK SEMULA KRITERIA MOHON BANTUAN: CHANG | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# JKM perlu segera semak semula kriteria mohon bantuan: Chang

**SIBU:** Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Assek Irene Chang menggesa Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyemak semula kriteria permohonan bantuan dengan segera.

Beliau membuat gesaan itu berikutan laporan berita mengenai bekas pengamal media, Edwin Jemat Nangkai tidak menerima sebarang bantuan kebajikan daripada kerajaan negeri.

Pada 24 September lalu, akhbar The Borneo Post melaporkan Edwin berharap mendapat bantuan kebajikan daripada kerajaan negeri bagi menjalani kehidupan seharian selepas OKU pada tahun 2016.

Edwin, 70, lumpuh separuh badan selepas terlibat dalam kemalangan motosikal tujuh tahun lalu.

Chang berkata, berita mengenai bekas pengamal media, Edwin Jemat Nangkai tidak menerima sebarang bantuan kebajikan daripada kerajaan negeri membuktikan semakan semula kriteria permohonan bantuan sangat diperlukan.

Katanya, semakan ini sepatutnya dijalankan secara berkala agar JKM dapat memenuhi keperluan rakyat dengan berkesan.

"Dalam kes Edwin Jemat Nangkai ini, saya tidak hairan permohonannya ditolak kerana dilaporkan beliau adalah seorang pesara.

"Daripada pengalaman saya, selagi pemohon mempunyai sumber bantuan kewangan dari suatu tempat, permohonan itu berkemungkinan besar, tidak diluluskan.

"Lebih menyedihkan, daripada banyak kes yang saya bantu, selagi pemohon mempunyai anak yang masih hidup yang sudah dewasa dan bekerja, permohonan bantuan berkemungkinan besar, tidak berjaya," kata Chang dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Walaupun dia bersetuju dengan prinsip bahawa anak-anak yang telah dewasa harus menjaga kebajikan ibu bapa yang sudah tua.

Namun, realitinya masih ramai yang tidak dapat berbuat demikian kerana ramai anak muda terpaksa meninggalkan rumah untuk mencari rezeki di tempat lain.

Menurut Chang, ramai daripada mereka mendakwa tidak dapat menampung kehidupan harian dan disebabkan itu mereka menghantar wang secara kerap kepada ibu bapa lama mereka di rumah.

"Sebab itu, ramai ibu bapa mereka yang sudah tua dibiarkan hidup sendiri. Mereka juga berhasrat mendapatkan bantuan daripada JKM tetapi malangnya, tidak semua boleh berjaya," keluh beliau.

Oleh itu, nasib yang menimpa Edwin adalah satu panggilan kepada kerajaan Sarawak menyemak segera sama ada kriteria sedia ada menepati tujuannya untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan kewangan.

"Faktor seperti pendapatan, saiz keluarga, hilang upaya dan keadaan berkaitan lain yang digunakan untuk menentukan kelayakan harus fleksibel dan perlu disesuaikan dengan keadaan pemohon masing-masing.

"Ruang untuk pelarasan dalam kriteria kelayakan harus dibenarkan semasa masa krisis mereka.

"Oleh itu, saya menggesa kementerian yang bertanggungjawab ke atas kebajikan masyarakat segera mengkaji semula dan menyemak semula kriteria pemberian bantuan.

"Proses ini harus sentiasa berpandukan prinsip meningkatkan kesejahteraan anggota masyarakat kita yang paling terdedah iaitu warga emas dan golongan B40.

"Ia juga harus dijalankan dengan empati dan komitmen untuk memastikan mereka yang memerlukan menerima sokongan dan bantuan yang mereka perlukan," kata Chang.

Bagi tujuan ini, beliau berpendapat bahawa sememangnya tiada gunanya Strategi Pembangunan Pasca-COVID-19 (PCDS) 2030 mencapai sasarannya untuk menjadikan Sarawak sebuah negeri berpendapatan tinggi menjelang 2030 jika status pendapatan tinggi tidak setimpal dengan kehidupan rakyat termasuk kumpulan yang paling terdedah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI MENGAKU TIDAK BERSALAH SEBABKAN ADIK PEREMPUANNYA TENGOK VIDEO LUCAH DI TELEFON | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki mengaku tidak bersalah sebabkan adik perempuannya tengok video lucah di telefon

**KUCHING:** Seorang lelaki mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyebabkan adik perempuannya yang berusia 13 tahun menonton video pornografi menggunakan telefon bimbit milik tertuduh.

Pengakuan itu dibuat oleh tertuduh berusia 33 tahun tersebut sebaik didakwa mengikut Seksyen 15(e) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15 Akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Hakim Musli Abdul Hamid memerintahkan pengurusan kes pada 24 Oktober 2023 bagi memberi laluan kepada pihak pendakwaan mengemukakan dokumen yang berkaitan di bawah Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

Musli juga menolak permohonan tertuduh yang memohon untuk dilepaskan dengan ikat jamin tunai, sebaliknya memerintahkan tertuduh untuk direman lanjut di Penjara Puncak Borneo sehingga kes selesai.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan tersebut pada 20 September 2023 sekitar jam 8.30 malam di sebuah kampung di Jalan Penrissen di sini.

Difahamkan, laporan polis dibuat oleh adik kandung tertuduh sendiri sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh.

Tertuduh semasa prosiding juga menyatakan kepada mahkamah bahawa dia merupakan seorang askar, namun difahamkan, tertuduh dilaporkan gagal hadir bertugas untuk beberapa tempoh.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian sementara tertuduh tidak diwakili peguam bela.

Untuk rekod, Seksyen 15(e) SOACA 2017 merupakan amang seksual fizikal atas kanak-kanak iaitu menyebabkan seseorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran yang keseluruhannya atau sebahagiannya, sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis, melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada cara elektronik, mekanikal, digital, optik atau magnetik, atau dihasilkan secara manual, atau gabungan apa-apa cara, adalah mengenai orang itu atau mana-mana orang lain yang melakukan aktiviti yang bersifat seksual.



**NAFI:** Tertuduh (kiri) diiringi polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAHKAMAH MAJISTRET TOLAK PERMOHONAN LELAKI DITUDUH BUNUH KEKASIH DIRUJUK PSIKIATRI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**PERMOHONAN DITOLAK:** Muhammad Fakrul yang dituduh membunuh seorang wanita hamil di Jalan Sungai Limau dekat Sungai Besar, dibawa ke Mahkamah Majistret Sungai Besar untuk sebutan kes itu, semalam. — Gambar Bernama

# Mahkamah Majistret tolak permohonan lelaki dituduh bunuh kekasih dirujuk psikiatri

SUNGAI BESAR: Mahkamah Majistret di sini semalam menolak permohonan seorang lelaki yang dituduh membunuh seorang wanita hamil di Jalan Sungai Limau dekat sini supaya dirujuk ke hospital psikiatri.

Majistret Siti Hajar Ali menolak permohonan itu atas alasan perkara itu perlu diputuskan oleh Mahkamah Tinggi.

"Mahkamah berpendapat secara asasnya permohonan begini hendaklah diputuskan oleh hakim yang menjalankan kes ini iaitu Hakim Mahkamah Tinggi dan mahkamah ini sedar keperluan di bawah Seksyen 342 Kanun Tatacara Jenayah perlu dipatuhi.

"Mahkamah juga berpendapat penolakan permohonan pada peringkat ini tidak akan memprejudiskan hak tertuduh. Peguam pada bila-bila masa boleh membuat permohonan tersebut di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi yang akan menjalankan perbicaraan kes ini nanti," katanya.

Permohonan itu dibuat peguam Muhammad Nor Tamrin, yang mewakili Muhammad Fakrul Aiman Sajali, 20, pada 3 Ogos lepas.

Pada prosiding lepas, Muhammad Nor memohon mahkamah agar anak guamnya dirujuk ke hospital psikiatri berikutan hasil temu bual pihaknya bersama tertuduh mendapati keadaan mental anak guamnya dilihat tidak stabil.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Qiwamuddin Mustapha Shakri.

Mahkamah kemudian menetapkan 7 November depan bagi sebutan semula kes.

Pada 1 Jun lepas, Muhammad Fakrul Aiman didakwa membunuh Nur Anisah Abdul Wahab, 21, di Jalan Sungai Limau di sini antara 8.30 malam 22 Mei dan 8 pagi, 23 Mei lepas.

Bekas penuntut kolej itu dituduh mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MASYARAKAT BERPERANAN PENTING MELINDUNGI KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Masyarakat berperanan penting melindungi kanak-kanak

Oleh Yap Siong Han



LAWAT: Nancy (tengah) melawat murid-murid yang berada dalam kelas di sekolah berkenaan.



RASMI: Nancy menyempurnakan simbolik pelancaran Program Advokasi Kanak-Kanak.



TERIMA KASIH: Guru Besar SK Malawa Mazlan Osman (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Nancy, turut kelihatan Pengarah Pendidikan Negeri Sabah Raisin Saidin (kanan).



ALBUM: Nancy (duduk tengah) bersama tetamu kehormat lain serta para murid-murid serta guru yang hadir merakamkan gambar kenangan.

**KOTA KINABALU:** Masyarakat memainkan peranan penting sebagai pelindung kepada kanak-kanak daripada kes penderaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Hajah Nancy Shukri berkata, Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-kanak Negeri Sabah yang dilaksanakan di sini sangat penting bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat khususnya, ibu bapa dan guru-guru.

"Kebelakangan ini, hampir setiap minggu kita mendengar atau membaca berita mengenai kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

"Saya sebagai seorang ibu dan sebagai Menteri yang bertanggungjawab menjaga kebajikan kanak-kanak di Malaysia.

"Kami mahu kanak-kanak tahu hak mereka, pada masa sama, kami mahu ibu bapa dan komuniti di sekeliling mereka sedar akan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan terhadap mereka.

"Itulah sebabnya kita melaksanakan program ini untuk memberitahu kanak-kanak akan hak mereka," katanya ketika merasmikan Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-kanak Negeri Sabah di sini, pada Isnin.

Beliau berkata, pelbagai program telah diatur pada hari berkenaan yang melibatkan ceramah dan pameran agensi yang pastinya memberikan maklumat serta panduan kepada masyarakat, kanak-kanak terutamanya tindakan yang boleh diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian.

Katanya, masyarakat umum perlu tahu apa tindakan yang perlu diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian.

"Semua pihak, sebagai individu ataupun secara komuniti, perlu bersama-sama cakna terhadap hak kanak-kanak.

"Pertama sekali, sekiranya berlaku apa-apa yang mencurigakan, sekiranya mereka didera oleh ibu bapa atau ahli keluarga di dalam rumah, dapatkan pertolongan segera dengan menghubungi talian kasih 15999 atau melalui whatsapp 019-2615999 atau dapatkan pertolongan daripada jiran.

"Kedua, janganlah sekadar membuat video di media sosial sahaja untuk dijadikan 'content', sebaliknya laporkan kes itu kepada pihak kami...ingat, Talian Kasih 15999," katanya.

Program itu telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Malawa, Kota Kinabalu, Sabah.

Program advokasi ini adalah bertujuan mengerakkan anggota masyarakat untuk memastikan keselamatan, kebajikan dan hak kanak-kanak sentiasa dipelihara.

Ini seiring dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak_kanak (CRC) yang telah diratifikasikan oleh Malaysia pada tahun 1995 untuk memastikan kanak-kanak dapat meneruskan kehidupan dalam suasana yang selamat, suara mereka didengari serta usaha membangunkan potensi diri mereka sebagai pelapis pemimpin masa depan negara.

Sehingga Mei 2023, sebanyak 333 kes di Sabah daripada 2,959 kes seluruh negara yang melibatkan penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian kanak-kanak dilaporkan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENIAGA RUGI LEBIH RM60,000 DITIPU PINJAMAN DALAM TALIAN, KELUARGA JADI MANGSA PEMERASAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Peniaga rugi lebih RM60,000 ditipu pinjaman dalam talian, keluarga jadi mangsa pemerasan

**KUCHING:** Seorang peniaga wanita tempatan di sini kerugian lebih RM60,000 selepas menjadi mangsa penipuan pinjaman dalam talian, dengan keluarganya menjadi subjek pemerasan oleh suspek terbabit.

Ketua Biro Aduan Awam Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Milton Foo berkata, semuanya bermula apabila mangsa yang dikenali sebagai 'Puan A', mengklik pada pautan ke permohonan pinjaman dalam talian di Facebook pada Mei.

Beliau berkata, mangsa memohon untuk meminjam RM2,000. Bagaimanapun, pinjaman yang diluluskan ialah RM1,400 yang dikreditkan ke dalam akaunnya.

Mangsa kemudian diarahkan oleh suspek untuk membayar 'kadar faedah' berjumlah RM600 setiap tujuh hari.

"Ini bukan pokok pinjaman - ini hanya faedah! Setiap minggu, mangsa perlu membayar RM600. Bayangkan jika saya terus membayar jumlah itu selama dua bulan, wang pokok (principle) itu telah pun dilindungi, tetapi saya masih tidak dapat membayarnya.

"Mangsa juga dimaklumkan suspek bahawa sekiranya terus menggunakan perkhidmatan 'pinjaman' itu, dia boleh memohon pinjaman besar berjumlah RM20,000," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SUPP di sini, petang tadi.

Foo berkata, mangsa dan suaminya telah dihubungi 32 nombor berbeza sejak Mei hingga September tahun ini.

Beliau percaya ini adalah sebahagian daripada sindiket kerana wang pinjaman yang disalurkan ke dalam akaun mangsa datang daripada akaun individu dan bukannya daripada mana-mana institusi perbankan atau syarikat pinjaman wang diiktiraf.

"Saya juga mengesyaki akaun digunakan untuk memindahkan jumlah pinjaman ke dalam akaun mangsa adalah akaun keldai," katanya lagi.

Sementara itu, 'Puan A' berkata, dia dikenakan peras ugut oleh suspek jika menghentikan pembayarannya, dengan mengatakan mereka akan memburu suami dan anak-anaknya.

"Suspek juga menggodam telefon saya, mendapatkan semua kenalan saya, meletakkan semuanya di dalam perbualan kumpulan (chat group), dan menyiarkan foto saya yang diedit dengan mengatakan bahawa saya seorang penipu dan telah memungkiri pembayaran saya," keluhnya.

Berikutan kejadian ini, mangsa menyatakan dia telah menyahaktifkan akaun Facebooknya.

Ketika ditanya sama ada mangsa sedar atau tidak tentang kemungkinan penipuan, mangsa berkata dia menyedarinya. Namun mangsa menyatakan dia mengkliknya untuk mengetahui lebih lanjut mengenai permohonan pinjaman itu.

"Bukan mudah untuk mendapatkan pinjaman daripada bank pada masa kini. Jadi saya mengklik pada pautan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pinjaman tersebut. Saya perlu memastikan perniagaan saya terus berkembang," tambahnya.

Dalam pada itu, Foo mengingatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan penipuan pinjaman dalam talian, tidak kira betapa terdesaknya mereka untuk mendapatkan wang tunai.

"Apabila kita melihat kes ini, ini lebih daripada 'along' (peminjam wang); ini sememangnya penipuan pinjaman dalam talian.

"Saya telah mengulangi dan mengingatkan orang ramai untuk tidak membuat pinjaman dalam talian.

"Walaupun iklan itu mengatakan bahawa pinjaman ditawarkan mempunyai faedah rendah, tiada jaminan atau tiada pegangan pajakan; tetapi apabila anda memohon, inilah yang anda dapat di penghujung hari," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SURI RUMAH DI LIMBANG RUGI RM5,000 DITIPU 'PEGAWAI BANK' | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suri rumah di Limbang rugi RM5,000 ditipu 'pegawai bank'

**LIMBANG:** Suri rumah di Limbang mengalami kerugian sebanyak RM5,000 selepas terpedaya dengan penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank pada Jumaat lepas.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, wanita berusia 51 tahun itu menerima panggilan, kononnya daripada pegawai bank, yang mendakwa mendiang suami mangsa mempunyai tunggakan sewa beli kenderaan berjumlah RM56,000.

"Mangsa telah diperdaya suspek yang mengarahkan mangsa membuat pembayaran sebanyak RM5,000 supaya kes tidak dibawa ke mahkamah.

"Mangsa telah membuat dua transaksi pembayaran sebelum menyedari dirinya ditipu dan tampil membuat laporan polis," katanya kepada media semalam.

Parum turut menasihati orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan muslihat dan tipu helah pihak tertentu tanpa membuat usul periksa.

Katanya, orang ramai perlu bertanya dulu kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan orang lain sebelum membuat pembayaran ataupun menekan pautan tertentu.

Mereka yang ingin mendapatkan nasihat atau menyalurkan sebarang maklumat berkaitan kes-kes jenayah komersial boleh menghubungi Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah Limbang di talian 085-211466.


PARUM

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIDAKWA SIMBAH ANAK LELAKI DENGAN AIR PANAS | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 27 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita didakwa simbah anak lelaki dengan air panas

**MELAKA:** Seorang wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini semalam atas pertuduhan menyimbah air panas terhadap anak lelakinya yang berusia 13 tahun, tahun lepas.

Tertuduh, 37, didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas anak kandungnya itu dengan cara menyimbah air panas ke arah mangsa dalam kejadian pada 2.56 pagi, di sebuah rumah di taman perumahan kakitangan kerajaan di Sungai Udang, pada 27 Jun 2022.

Dia didakwa di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan cedera dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta denda atau sebat.

Dilaporkan, tertuduh bertindak demikian berikutan berang dengan anak kedua daripada empat beradik itu yang menghabiskan data jalur lebar telefon bimbitnya.

Tertuduh sebelum itu juga didakwa sering memukul anaknya dan tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa, namun terbongkar selepas rakan mangsa menyedari kotoran seperti kesan luka pada baju sekolah dipakai remaja terbabit.

Rakan mangsa kemudian memaklumkan kejadian itu kepada ibunya sebelum laporan dibuat kepada pihak polis.

Terdahulu, pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wardah Ishar memohon agar mahkamah tidak membenarkan jaminan memandangkan tertuduh dan mangsa tinggal di rumah sama.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun tidak membuat sebarang rayuan bagi jaminan.

Hakim Mohd Sabri Ismail kemudian bersetuju dengan permohonan pihak pendakwaan untuk tidak membenarkan ikat jamin selain menetapkan 26 Oktober ini untuk sebutan semula kes. — Bernama